

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 November 2002

SOALAN

Y.B To' Puan Wan Seri @ W. Asiah Binti Ahmad minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan sama ada wujud pelan tindakan ummah yang memberikan penekanan kepada pembangunan wanita Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kerajaan menganggap bahawa aspek agama amat penting diberi perhatian dalam pembangunan wanita. Ini adalah untuk menjamin wanita Islam Malaysia mencapai kecemerlangan dari segi material, fizikal dan juga kerohanian. Pada masa yang sama terdapat kecenderungan sesetengah pihak untuk menggunakan agama bagi membuktikan bahawa wanita tidak setaraf dengan lelaki melalui penafsiran hukum agama yang dipengaruhi unsur budaya dan prejudis, walaupun agama Islam sebenarnya meletakkan wanita pada kedudukan yang mulia. Berdasarkan pertimbangan di atas, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang dilancarkan pada tahun 1996 mempunyai peruntukan khusus mengenai wanita dan agama. Di bawah Pelan Tindakan berkenaan, antara peruntukan mengenai tindakan yang boleh diambil bagi menangani isu wanita dan agama adalah : a) Memastikan penafsiran yang tepat dibuat mengenai kedudukan wanita di sisi agama. b) Melibatkan perwakilan wanita dalam badan-badan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang dan peraturan agama. c) Menggalakkan wanita menjadi pendakwah serta memberi sumbangan kepada perkembangan syiar Islam; d) Sebagai ibu dan pengasuh anak, wanita boleh memainkan peranan dalam memupuk perasaan hormat-menghormati di kalangan masyarakat pelbagai bangsa dan agama bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu; e) Menggalakkan persefahaman antara agama; dan f) Mengawasi dan mengambil tindakan tegas ke atas pergerakan ajaran sesat. Pelaksanaan Pelan Tindakan berkenaan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan juga media massa dan ianya diberi perhatian secara berterusan oleh pihak-pihak berkenaan. Saya juga ingin menegaskan bahawa program pembangunan wanita yang dilaksanakan oleh Kerajaan baik dalam bidang kepimpinan, kemahiran, keusahawanan, kekeluargaan dan sebagainya memberi manfaat kepada wanita Islam Malaysia. Saya menganggap bahawa aspek-aspek ini sama penting dengan kegiatan keagamaan secara khusus seperti dakwah kerana itu adalah kehendak agama Islam sebenarnya.

